

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
JABATAN SEJARAH

SEJARAH PENEMPATAN DAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT
MINANGKABAU DI LENGGENG, NEGERI SEMBILAN

MOHAMMAD MARWAZI B. RAMLI

Kertas Projek ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera Dengan Kepujian pada sesi 2000/2001.

Penyelia

Tarikh

Ketua Jabatan Sejarah

Tarikh

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan
ringkasan-
ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya sertakan sumbernya.

31 Mac 2001



A 66789

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah
lagi maha mengasihani

Alhamdulillah, setinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya di beri sedikit kemampuan dan kesabaran untuk menyiapkan kertas projek ini. Semoga usaha yang sedikit ini mendapat nilaian di sisi Allah S.W.T.

Di ruangan ini juga, saya berbesar hati merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Yahya Bin Abu Bakar selaku penyelia yang telah banyak membantu dan meluangkan masa untuk membimbing saya bagi menyiapkan kertas projek ini. Ucapan ribuan terima kasih juga di ucapkan kepada penduduk Lenggeng, Negeri Sembilan . Semoga Allah membalas segala kerjasama yang ditaburkan.

Terima kasih juga di ucapkan kepada keluarga tersayang kerana memberi dorongan yang padu untuk menyiapkan kertas projek ini.

Khas buat Haslinda Bt. Md. Amin terima kasih atas segala pertolongan, dirimu tetap dalam ingatanku. Kepada teman-teman terutamanya teman serumah, kenangan bersama kalian adalah saat-saat yang indah, semoga persahabatan ini akan kekal abadi buat selamanya.

Akhir bicara, semoga kajian yang sekelumit ini dapat menjadi panduan untuk semua.

Jabatan Sejarah
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan

Mohammad Marwazi b Ramli
Kampung Bukit Jambul
Mukim Ayer Puteh
06720 Pendang
Kedah, D.A

ABSTRAK

Kertas projek ini mengkaji tentang kedatangan orang Minangkabau yang datang berhijrah ke Malaysia terutamanya di Negeri Sembilan. Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat sejarah awal penempatan mereka di Lenggeng dan juga keadaan sosioekonomi masyarakat tersebut. Di dalam kertas projek ini juga turut membincangkan tentang kedudukan mereka di zaman pemerintahan Inggeris, Jepun dan selepas merdeka. Melalui kertas projek ini juga telah membincangkan mengenai bidang sosioekonomi masyarakat Minangkabau di Lenggeng dengan lebih terperinci iaitu pada awal tahun 1900 hingga era selepas merdeka.

SENARAI KANDUNGAN

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI FOTO	xi
BAB 1	
1.0 LATAR BELAKANG SEJARAH DAN POLA PENEMPATAN DI LENGGENG	1
1.1 Masyarakat Lenggeng Sekitar Akhir Abad ke 19 Dan Awal Abad Ke 20	5
1.1.1 Pola Penempatan	10
1.2 UNSUR KEBUDAYAAN ASLI YANG TERDAPAT DALAM KOMUNITI MINANGKABAU	12
1.2.1 Dari Segi Kepimpinan	12
1.2.2 Tradisi Adat	15
1.2.3 Tradisi Merantau	18

BAB 2

2.0 KEGIATAN EKONOMI AWAL 1900-1940	24
2.1 USAHA AWAL MASYARAKAT MINANGKABAU DI LENGGENG	24
2.1.1 Padi	24
2.1.2 Hasil-Hasil Hutan	27
2.1.3 Melombong Bijih Timah	28
2.2 KESAN PENGENALANDAN PERKEMBANGAN EKONOMI MASYARAKAT MINANGKABAU	29
2.2.1 Campurtangan Inggeris Di Sungai Ujong	29
2.2.2 Sektor Getah Sebagai Tanaman Baru Di Lenggeng	31
2.2.3 Perlombongan Sebagai usaha Produktif	36

BAB 3**KEHIDUPAN MASYARAKAT ZAMAN PENJAJAHAN JEPUN DAN DARURAT (1941-1957)**

3.0 PENGENALAN	39
3.1 EKONOMI MASYARAKAT LENGGENG DI ZAMAN JEPUN	40
3.1.1 Pendudukan Jepun Di daerah Seremban	40
3.1.2 Keadaan Hidup Penduduk Minangkabau Lenggeng Semasa Jepun	40
3.1.3 Pentingnya Lenggeng Kepada Pihak Jepun	45

3.2 KEADAAN HIDUP ORANG-ORANG MINANGKABAU LENGGENG DI ZAMAN DARURAT	49
3.2.1 Kedudukan Ekonomi Masyarakat	49
3.2.2 Tujuan Komunis Ke Lenggeng	52

BAB 4**PERKEMBANGAN EKONOMI SELEPAS MERDEKA
(1957-1975)**

4.0 SUMBANGAN AGENSI PERTANIAN DALAM PEMBANGUNAN	55
---	-----------

BAB 5

KESIMPULAN	74
-------------------	-----------

BIBLIOGRAFI**LAMPIRAN**

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Perbandingan Keluasan Dalam Pelbagai Tanaman Di Mukim Lenggeng dan Mukim Setul Tahun 1972

Jadual 2: Harga Pasaran Getah Di Seluruh Negeri Sembilan di Antara Tahun 1972 Hingga 1975

Jadual 3: Perlaksanaan Rancangan Pemulihian Tanah Sawah bagi Mukim Lenggeng dan Mukim Setul pada tahun 1975

Jadual 4 : Perlaksanaan Rancangan Tanaman Padi dua Kali Setahun Di kampung Yang Terlibat di Lenggeng Pada Tahun 1975

Jadual 5 : Jumlah Kawasan Yang Dicadangkan Dan Dilaksanakan Untuk tanaman Pisang Di Kampung Sungai Petai Dan Sungai Macang Hilir, Lenggeng Untuk Tahun 1975

SENARAI FOTO

FOTO 1

Papan Tanda Menunjukkan Sempadan Daerah Lenggeng - Mantin
Papan Tanda Menunjukkan Lenggeng Dari Arah Broga

FOTO 2

Surau Kampung Mendom, Lenggeng
Sungai Lenggeng

FOTO 3

Tapak Pasar Lama Yang Telah Diperbaharui
Pekan Lenggeng, Negeri Sembilan

BAB III

KEHIDUPAN MASYARAKAT ZAMAN PENJAJAHAN JEPUN DAN DARURAT (1941-1957)

3.0 PENGENALAN

Menyingkap semula zaman pendudukan Jepun, dapat di lihat kehidupan penuh dengan penderitaan yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat Minang terutamanya dari segi bekalan makanan dan kebajikan, dan pada zaman darurat pula, kehidupan masyarakat pula sentiasa di buru ketakutan atas tindakan komunis yang mengganas ketika itu. Walau bagaimanapun taraf ekonomi di kedua-dua zaman adalah hampir serupa tetapi taraf hidup orang Minang lebih baik pada zaman darurat berbanding pada zaman pemerintahan Jepun yang penuh kesengsaraan.

3.1 Ekonomi Masyarakat Lenggeng Di Zaman Jepun

3.1.1 Pendudukan Jepun Di daerah Seremban

Sejak 8 Disember 1941, tentera Jepun telah berjaya mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu⁵³ dari tangan pihak British sehingga 13 September 1945 bila Tanah Melayu dikuasai semula oleh tentera British sebagai BMA (British Military Army). Tentera Jepun telah mara ke Negeri Sembilan pada 10 Januari dan Seremban adalah daerah pertama telah diduduki Jepun, dengan demikian , Lenggeng sebagai salah sebuah mukim di daerah Seremban turut berada di bawah pemerintahan Jepun selama lebih kurang tiga tahun empat bulan. Pemerintahan Jepun di Lenggeng tidak jauh bezanya dengan tempat-tempat yang lain di Tanah Melayu iaitu penuh dengan kekejaman dan kesengsaraan.

3.1.2 Keadaan Hidup Penduduk Minangkabau Lenggeng Semasa Jepun

Sepanjang pemerintahan Jepun, keadaan kekurangan bekalan makanan merupakan fenomena paling ketara. Kekurangan bekalan makanan khususnya beras adalah di sebabkan oleh beberapa faktor, antara faktor yang penting ialah dasar eksploitasi

⁵³ Menjelang, 31 January 1942 seluruh Tanah Malaya sudah pun dikuasai oleh Jepun kecuali Singapura.

makanan yang di lakukan oleh pihak Jepun yang lebih mementingkan kebajikan tentera-tenteranya daripada penduduk tempatan sendiri.

Pengeksplotasian ini berlaku adalah ekoran daripada bekalan makanan terhenti akibat daripada perang yang dialami di Burma yang mengakibatkan tergendalanya pengeksportan beras ke negara luar. Lantaran daripada kejadian itu jumlah kapal-kapal Jepun yang mengangkut beras dari Burma juga berkurangan dan ini seterusnya telah menyebabkan kekurangan jumlah bekalan makanan beras yang diimport dari luar berbanding dengan masa sebelum perang.⁵⁴

Di samping itu juga dalam masa yang sama, pihak British telah menjalankan ‘Dasar Bumi Hangus’⁵⁵ yang bertujuan supaya pihak berkuasa Jepun tidak memperolehi bekalan makanan dari perusahaan-perusahaan yang di bina oleh British. Keseluruhan keadaan ini menyebabkan tentera Jepun telah meminta beras dari penduduk di Mukim Lenggeng. Di Lenggeng, Jepun memberi kebebasan kepada petani-petani untuk menanam padi seberapa banyak yang boleh untuk menampung keperluan harian. Walaupun hakikatnya hasil padi itu adalah untuk penduduk tempatan tetapi akhirnya sebahagian daripada hasil padi tersebut telah di kaut oleh

⁵⁴ British Military Administration, 1942-47, Fail No. Dept/9/4, “Food Control And Rationing Food Situations Malay Peninsula”, hal.3

⁵⁵ Di bawah dasar ini pihak British semasa mengundurkan diri dari Tanah Melayu telah membinasakan segala gudang, alatan tentera dan mencurah berjuta-juta gelen minyak petrol secara sengaja. Tujuannya supaya tentera Jepun tidak menikmati hasil-hasil usaha British terutamanya bahan-bahan makanan dari gudang-gudang. Dalam masa yang sama juga pasaran-pasaran eksport dan kehilangan pasaran-pasaran bagi getah dan bijih timah berlaku yang bererti kehilangan segala jenis barang pengguna.

pihak Jepun dan selebihnya telah dibeli dengan harga yang murah oleh pihak Jepun dan sekiranya pengeluaran padi terdapat lebihan ianya akan dirampas oleh pihak Jepun.⁵⁶ Selain daripada beras, binatang ternakan seperti ayam itik dan sebagainya turut dirampas. Selain daripada sistem paksaan untuk menyerah beras, pihak Jepun juga turut melakukan gerakan merampas, ini telah menimbulkan penderitaan yang amat sangat dirasai oleh penduduk Minang Lenggeng akibat daripada tindakan kejam pihak Jepun.

Memandangkan bekalan beras sering kali dibolot oleh tentera-tentera Jepun masyarakat Minang di Lenggeng terpaksa memakan bubur sahaja apabila bekalan beras tinggal sedikit. Ekoran daripada itu penduduk Minang telah mengambil alternatif lain dengan menanam makanan gantian seperti ubi kayu, ubi gadong, jagung, keledek, pisang dan sayur-sayuran. Namun begitu zat daripada makanan gantian tidak sama dengan zat yang terdapat dari beras, lantaran daripada itu penduduk Minangkabau di Lenggeng kebanyakannya diserang penyakit bengkak-bengkak di seluruh badan akibat memakan ubi gadong yang berlebihan. Penyakit tersebut boleh membawa maut tambahan pula pada ketika itu perkhidmatan rawatan untuk penduduk telah diabaikan oleh pihak Jepun. Keadaan ekonomi seperti ini tidak sahaja berlaku kepada Lenggeng malah melewati tempat-tempat di negeri

⁵⁶ Hasil rampasan terutamanya beras adalah untuk kegunaan tentera-tentera Jepun yang ramai bilangannya di Tanah Melayu di samping menghantar ke negaranya iaitu Jepun.

lain di mana ubi kayu (tapiocca) terpaksa di makan sebagai akibat dari kejatuhan ekonomi di bawah pentadbiran Jepun.⁵⁷

Sungguhpun berbagai keadaan yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat Minang Lenggeng namun pada hakikatnya pihak pentadbir Jepun menyedari atas kekurangan bekalan makanan akibat dari kegiatan merampas dan ganas tentera-tenteranya. Sebagai menunjukkan reaksi-reaksi simpatinya, satu lagi langkah pemulihan telah di jalankan. Jepun telah melancarkan dasar '*self sufficiency*' iaitu menggalakkan penduduk Lenggeng menanam berbagai tanaman terutamanya sayuran jenis 'roots'. Tindakan ini bertujuan untuk mencegah berlakunya kebuluran secara besar-besaran ke atas masyarakat.⁵⁸

Melalui rancangan ini juga, tanah-tanah baru telah dibuka untuk tujuan menanam padi. Para pekerja di Pekan Lenggeng serta buruh-buruh di ladang-ladang getah pada zaman British dahulu dikerah untuk bertani. Dengan demikian, beribu ekar pokok-pokok getah telah ditebang dan tanahnya dibuat bercucuk tanam. Lenggeng adalah salah satu contoh di mana kebanyakan kawasan tanaman getah dan lombong bijih timah telah diganti dengan tanaman gantian yang lain di masa Jepun.

⁵⁷ Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule And The Struggle For Independence In Malaya, 1945-1957*, 1984, Selangor : Institute For Social Analysis (INSAN), hal.33.

⁵⁸ British Military Administration, 1942-47, DEPL No. Dept/9/4, 'Colonial Of Food, Imports For Feeding Population In 1946'.

Demi menampung kehidupan keluarga, buruh-buruh ini terpaksa mengubah cara hidup mereka kepada kegiatan menanam padi atau tanaman makanan yang lain. Walaupun berbagai cara telah diusahakan, dasar '*'self sufficiency'*' oleh Jepun ini tidak menampakkan kejayaan kerana tiada usaha yang bersungguh-sungguh, malah semasa pendudukan Jepun makanan semakin lama semakin berkurangan.⁵⁹ Tidak seperti di tempat-tempat lain, sistem catuan makanan⁶⁰ seperti beras, tidak wujud di Lenggeng kerana beras tidak mencukupi untuk diagih-agihkan.

Lantaran daripada keadaan ekonomi yang meleset ini, kebanyakan mereka berpakaian compang-camping dan ada yang menggunakan guni beras sebagai pakaian. Pakaian tidak ada dijual di pasar-pasar berikutan penutupan kedai akibat daripada kemelesetan ekonomi. Menurut Puan Nilam Bt. Puntong, orang-orang perempuan Lenggeng terpaksa melekapkan kepingan getah kepada pakaian yang telah koyak. Di atas getah inilah kemudiannya dilekapkan lebihan kain buruk untuk menutup koyak tersebut. Pengalaman ini pernah dialami sendiri oleh Puan Nilam yang terpaksa menggunakan lekapan getah sebanyak hampir empat belas tampil di bajunya yang koyak. Kerana tidak mempunyai jarum ataupun benang.⁶¹ Pada waktu malam pula orang-orang Minang Lenggeng telah menggunakan cara tradisi untuk

⁵⁹ Joginder Singh Jessy, 1979, *Sejarah Tanah Melayu (1400-1959)*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal.266.

⁶⁰ Di tempat-tempat lain seperti di Batu Pahat, Hulu Langat, kampung Sungai Choh dan pada kebanyakan tempat-tempat lain sistem kad catuan bagi menentukan setiap keluarga mendapat bekalan makanan yang secukup hidup. Umumnya, di bawah sistem catuan, ketua keluarga dibenarkan membeli hanya 20 kati beras sebulan. Pengagihan beras dan penjualannya dikawal oleh badan 'Rice Distribution Guild'.

⁶¹ Pengakuan oleh Puan Nilam Bt. Puntong semasa di temubual di rumahnya pada 21 Januari 2001.

mendapatkan sumber api iaitu dengan menggeselkan habuk kelapa yang telah dijemur atau dikeringkan (supaya mudah terbakar) di antara dua ketul batu atau dua batang besi. Penggeselan yang berulang kali ini akan memberi sedikit nyalaan api . Selepas itu mereka menghancurkan damar dan di balut dengan upih pinang yang boleh bertindak sebagai pelita untuk menerangi malam.⁶²

3.1.3 Pentingnya Lenggeng Kepada Pihak Jepun

Pemusatan pemerintahan Jepun di Negeri Sembilan adalah di bandar Sungai Ujong. Namun begitu tentera-tentera Jepun sering keluar masuk Lenggeng dengan tujuan mendapatkan sumber makanan dan untuk mendapatkan tenaga buruh paksa di kalangan orang-orang Minagkabau. Tindakan Jepun paling ketara adalah dalam menghantar tenaga buru paksa untuk membina ‘landasan keretapi maut’⁶³ di antara Burma dan Thailand. Perintah telah dikeluarkan kepada Datuk Dagang supaya memilih beberapa orang lelaki Lenggeng yang boleh bekerja kuat.

⁶² Ibid.

⁶³ Di tempat-tempat lain di Tanah Melayu kebanyakannya buruh-buruh yang dipaksa oleh Jepun adalah terdiri dari orang-orang India. Lihat Harry Miller, *The story Of Malaya*, London : Faber & faber, 1956 Hal 156 , J.M Gullick, Malaysia, London : Ernest Benn Limited, 1969. hal 95.

Encik Haji Abu Bakar Bin Mohd Raiz⁶⁴ adalah contoh orang yang pernah dipaksa menjadi buruh untuk membina landasan keretapi tersebut, menurut beliau layanan yang diberikan sepanjang perkhidmatannya di sana adalah terlalu kejam. Buruh-buruh dipaksa bekerja siang dan malam, walaupun pada mulanya telah dijanjikan satu ringgit sehari dan diberi makanan secukupnya tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Makanan yang diberikan hanyalah sedikit dan ada di antara rakannya mati kebuluran dan ada juga yang tertimbus semasa menjalankan tugas. Walau bagaimanapun menurut beliau, beliau amat bernasib baik kerana dapat melarikan diri dengan berjalan kaki meredah hutan dan bukit dan akhirnya berjaya kembali ke pangkuan keluarganya di Lenggeng.

Jepun juga pada ketika itu mencari sokongan di kalangan penduduk tempatan. Ganjaran akan diberikan kepada sesiapa yang sanggup menjadi ‘orang tengah’ dalam berhubung dengan tentera Jepun. Orang yang dilantik ini di beri gelaran Dancho.⁶⁵ Tugas Dancho ialah menyampaikan arahan dari Jepun, contohnya dalam urusan membeli padi daripada orang Minang di Lenggeng. Walau bagaimanapun semasa pendudukan Jepun di Lenggeng sistem Ketua Kampung atau Datuk Penghulu dikekalkan tetapi bidang kuasanya sangat terhad dan sentiasa mengikut arahan-arahan yang diberikan oleh Pegawai-pejawai Jepun. Selain dari

⁶⁴ Responden telah ditemubual pada 21 januari 2001. Menurut beliau peristiwa ini adalah sebagai kejadian yang tidak mungkin

⁶⁵ Dancho berasal dari bahasa Jepun. Ia berperanan sebagai Ketua Kampung.

Dancho terdapat juga penolongnya yang dikenali sebagai Jikieden⁶⁶ (Voluntary Preservations Add Protection Corps). Jikerden bertugas untuk menjaga keselamatan sesebuah komuniti. Dancho dan Jikerden adalah orang yang dianggap sebagai pro-Jepun dan mereka mendapat sekutul beras pada tiap-tiap hari.

Pada masa yang sama juga penduduk Lenggeng turut diambil bertugas sebagai tentera Jepun. Pada masa pendudukan Jepun kebanyakannya mereka yang bertugas di bandar-bandar telah kehilangan pekerjaan kerana dipaksa menjadi petani. Pemuda-pemuda yang terpilih dikumpulkan di Holland Road Kuala Lumpur pada bulan Mac 1943. Di dalam ketenteraan mereka diberi gaji bulanan mengikut jawatan seperti di bawah⁶⁷ :

1. Peringkat Komichi-Lance Kopral	RM 80.00
2. Private Nombor Satu	RM 75.00
3. Private Nombor Dua	RM 70.00
4. Private Nombor Tiga	RM 65.00

- Gaji mereka akan ditambah sekiranya lulus dalam Bahasa Jepun.

⁶⁶ Jikerden merupakan orang-orang suruhan di bawah Dancho. Sebagai perbandingan pada hari ini tugas Jikerden boleh di samakan dengan tugas Rukun Tetangga.

⁶⁷ Faridah Hj. Mohd Zubir, "Sejarah Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu 1942-45", Maktab Perguruan Sultan Idris, Kertaskerja, 1987.

1. Private Nombor Satu Tambahan Sebanyak	RM 25.00
2. Private Nombor Dua tambahan Sebanyak	RM 20.00
3. Private Nombor Tiga tambahan sebanyak	RM 10.00

Menurut Encik Sharif Bin Salim, beliau menyangka ekonomi keluarganya akan bertambah baik dengan wujudnya tangga gaji seperti yang telah ditetapkan, tetapi itu hanya janji-janji palsu dan tentera-tentera itu telah dikerah dengan kezaliman dan latihan berbentuk kekejaman.⁶⁸

Ringkasnya dapat di lihat, zaman Jepun di Lengeng adalah satu zaman kegelapan dan penuh dengan penderitaan. Keadaan pemerasan ini berterusan sehingga kepada penyerahan kalah Jepun pada 15 Ogos 1945. Akan tetapi kesempitan ekonomi tetap berterusan berikutan wujudnya Darurat pada tahun 1948.

⁶⁸ En Sharif B. Salim, Temubual pada 21 Januari 2001.

3.2 KEADAAN HIDUP ORANG-ORANG MINANGKABAU LENGGENG DI ZAMAN DARURAT

3.2.1 Kedudukan Ekonomi Masyarakat

Pada bulan Februari 1948, satu pemberontakan bersenjata telah dirancangkan oleh pemimpin komunis Asia di Culcutta. Ekoran daripada kejadian itu, tidak berapa lama kemudian komunis Tanah Melayu memulakan satu pemberontakan bersenjata di Tanah Melayu. Komunis telah membuat kekacauan dalam bentuk pembunuhan dan lain-lain tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Melalui kakacauan-kekacauan itu, pihak Inggeris telah mengisyiharkan darurat pada 18 Jun 1948.⁶⁹ Pada masa itu Inggeris telah kembali semula mentadbir Tanah Melayu akibat pengunduran Jepun yang telah mengaku kalah.

Meskipun Lenggeng adalah sebuah mukim kecil namun ia turut mengalami bahang kesengsaraan kehadiran komunis-komunis. Taraf hidup masyarakat Minangkabau adalah susah tetapi tidaklah sesusah pada zaman Jepun. Kesusahan mereka adalah lebih tertumpu di dalam usaha untuk mengerjakan pertanian atau pekerjaan-pekerjaan lain kerana digangu komunis. Komunis sentiasa mencari

⁶⁹ Pengisyiharan tamat Darurat pada 31 Julai 1960. Untuk keterangan lanjut sila rujuk, G.z. Hanrahan, 1971, *The Communist In Malaya*, Kuala Lumpur : University Of Malaya,, hlm.138.

peluang melemahkan ekonomi penduduk Lenggeng ketika itu. Pada masa itu Kawasan Lenggeng hingga ke Bogra adalah tempat strategik komunis.

Pada masa itu, orang-orang Minangkabau di Lenggeng masih lagi menjalankan kegiatan bersawah padi dan saki baki ladang getah yang tidak dimusnahkan oleh Jepun telah dikerjakan semula. Malah ada segelintir masyarakat Minang di Lenggeng tidak mengerjakan sawah kerana takut dan cemas terhadap gerila komunis. Pihak komunis sentiasa mengadakan serangan-serangan bersenjata di ladang-ladang getah dan membuat ugutan kepada buruh-buruh ladang. Pada tahap ini ekonomi orang Minangkabau di Lenggeng adalah sangat rendah.

Masyarakat Minangkabau Lenggeng sentiasa diburu ketakutan kerana pihak komunis sentiasa meminta bekalan makanan, wang dan pakaian daripada mereka. Ekoran dari perkara ini pihak Inggeris telah sistem catuan pembelian dengan tujuan supaya barang-barang keperluan tidak jatuh ke tangan komunis. Bahan makanan seperti beras, gula dan tepung telah di catu pembeliannya. Setiap keluarga memiliki kad pembeli yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah. Di dalam kad ini ada tercatat nama pembeli, nombor kad pengenalan, nombor kad pembeli, alamat pembeli, nombor lesen penjual dan tempat penjualan. Di dalam kad itu terdapat juga arahan supaya setiap keluarga hanya boleh membeli dua kati beras dan tiga tahil gula untuk

tempoh seminggu. Setiap pembelian dicatat tarikh, jumlah timbangannya dan bahan yang dibeli.⁷⁰

Kawalan terhadap makanan ini adalah bertujuan untuk mengelakkan penduduk Lenggeng daripada menyerahkan bahan makanan kepada gerila komunis. Penyekatan ini adalah bertujuan untuk melemahkan gerakan Min Yuen pihak komunis.⁷¹ Sistem catuan ini telah berlarutan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Sama juga keadaannya di zaman Jepun, masyarakat Lenggeng hidup dalam ketakutan. Tidak seperti di lain-lain tempat, Lenggeng tidak menampakkan perlaksanaan ‘Rancangan Briggs’⁷². Pembendungan ke atas masyarakat Minangkabau dari pemberontakan komunis hanya di dalam bentuk kawalan makanan bagi seluruh kampung.

⁷⁰ Seperti yang diterangkan oleh Encik. Sharif B. Salim

⁷¹ Komunis menubuhkan kumpulan Min Yuen yang diarah untuk mendapatkan bekalan makanan, wang, senjata dan maklumat daripada penduduk tempatan.

⁷² Rancangan Briggs adalah sebuah rancangan penempatan semula penduduk kampung ke kampung yang baru. Penempatan ini di pagar dan dikawal rapi dan segala bantuan makanan serta perkhidmatan kebaikan di berikan dengan harapan dapat memisahkan mereka daripada berhubung terus dengan komunis atau diperalatkan oleh komunis

3.2.2 Tujuan Komunis Ke Lenggeng

Pada masa Darurat orang-orang Minangkabau yang pernah berkhidmat di dalam tentera Jepun dahulu berada di dalam keadaan ketakutan. Gerila komunis sentiasa mencari bekas-bekas pro- Jepun seperti Dan Jejeran. Komunis berniat untuk menghapuskan semua tali barut Jepun. Anggota Komunis yang keluar masuk Lenggeng untuk mencari orang-orang yang disyaki pernah berkhidmat kepada Jepun.

Keadaan dan kebimbangan dialami sendiri oleh Encik Nawi Mohd. Yatim yang pernah bertugas sebagai Dancho di zaman Jepun. Menurut beliau pihak komunis memasuki kawasan Lenggeng hampir setiap malam untuk menghapuskan satu demi satu orang yang pro- Jepun. Keadaan ini menyebabkan beliau dan rakan-rakannya terpaksa berpindah- randah tempat penginapan pada waktu malam. Sampai pada satu peringkat beliau dan rakannya terpaksa melarikan diri sementara waktu ke Melaka.⁷³

Kebimbangan para penduduk Minangkabau di Lenggeng tidak dibiarkan begitu sahaja. Sebagai langkah Kerajaan British telah membanteras kekacauan komunis ini dan telah mengarahkan supaya sebilangan besar penduduk lelaki Lenggeng menceburkan diri dalam pasukan pengawalan kampung bagi

⁷³ Penjelasan oleh Encik. Nawi B. Mohd Yatim.

menghindarkan kegiatan komunis daripada terus mengganas. Justeru, melalui penubuhan Unit Pasukan Pertahanan Sukarela di Lenggeng iaitu ‘Home Guard’⁷⁴ Ahli Home Guard terdiri dari orang-orang Minangkabau lelaki yang berusia antara lapan belas hingga lima puluh tahun. Ahli-ahli Home Guard terdiri daripada dua kategori iaitu yang pertama bertugas sepenuh masa dengan dibayar elauan khas mengikut jumlah hari mereka bertugas. Kategori kedua pula ialah yang menjalankan tugas pada waktu malam sahaja. Dan meneruskan usaha bertani pada waktu siangnya dan mereka tidak mendapat apa-apa elauan dari perkhidmatan mereka.

Melalui pasukan Pertahanan Sukarela ini, rondaan di jalankan di sekitar kampung-kampung di mukim Lenggeng. Perondaan ini di lakukan secara bergilir-gilir setiap empat jam oleh sepasukan seramai 10 orang. Mereka akan memulakan tugas dari pukul tujuh hingga enam pagi (bagi mereka berkhidmat sepenuh masa). Mereka akan dibekalkan dengan sebatang senapang patah untuk kegunaan tertentu sahaja.

Tujuan pasukan Home Guard ini ditubuhkan untuk menjaga keamanan kampung dari di ganggu lagi oleh pihak Komunis. Keseluruhannya zaman Darurat menggariskan suasana hidup yang tegang kepada masyarakat Minangkabau di Lenggeng dan keadaan ekonomi mereka turut sama terancam atau terjejas. Dalam

⁷⁴ Home Guard (HG) telah ditubuhkan menurut arahan peraturan Darurat secara umur yang dikeluarkan pada bulan September 1950. Penjelasan lanjut mengenai tugas-tugas Home Guard terdapat di dalam, Anthony Shortm, *The Communist Insurrections In Malaya 1948-60*, hal 411-415.

waktu yang sama mereka lebih terdorong untuk sama-sama berganding bahu dalam membanteras gerila komunis yang mengancam keselamatan mereka.

BIBLIOGRAFI

BUKU

- Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan Dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur : Utusan Melayu Berhad.
- Anuar Maarup. 1975/76. "Pergerakan Penduduk : Huraian dan Analisa Satu 'case' Di Kampung Dacing Hilir, Lenggeng, Negeri Sembilan". Latihan Ilmiah Jabatan Geografi. UKM.
- Buyung Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Dewaan Bahasa Dan Pustaka.
- Emerson Rupert. 1979. *Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Graham Saunders. 1978. *Malaya: Perkembangan Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Berhad.
- J. Conde. 1979. *Rural Development Concept And Objectives*. Dev. Centre Of The Organisation For Economic Co-operation And Paris.
- Joginder Singh Jessy. 1979. *Sejarah Tanah Melayu (1400-1959)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khong Kim Hoong. 1984. *Merdeka! British Rule And The Struggle For Independent In Malaya, 1945-1957*. Selangor : Institute For Social Analysis (INSAN).
- M.Rasjid Manggis Dt. Radjo Panghoelo. 1970. *Negeri Sembilan Hubungannya dengan Minangkabau*. Jakarta : Padang Pandjang.
- Meek. C.C. . 1943. *Land Law And Custom In The Colonies*. London : Oxford University Press.
- Mochtar Naim. 1979. *Merantau- Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Jakarta : Gadjahmada University Press.
- Nordin Selat. 1978. *Renungan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributors Sdn. Berhad.
- _____. 1976. *Sistem Sosial adat Perpatih*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributors Sdn. Berhad.
- Ooi Jin Bee. 1976. *Penisular Malaysian*. Hong Kong.

- Parkinson C.N. .1960. *British Intervention In Malaya 1867-1877*. Singapore : University Of Malaya Press.
- Shamsul Bahrin. 1964. "The Indonesians In Malaya". University Of Sheffield (M.A).
- Wilkinson R.J. 1971. *Papers On Malay Subject*. Oxford University Press.

JOURNAL

- Gullick J.M. 1948. "Sungai Ujong. JMBRAS, 22 (2).
- Lister.M. 1887. "The Negeri Sembilan: Their Origin And Constitution. JMBRAS.
- Winstedt R.O. 1934. "Negeri Sembilan : The History, Polity And Belief Of The Nine States". JMBRAS, 12 (3).

LAPORAN

- "Ke arah pertanian moden Di Malaysia: 75 Tahun pertama Jabatan Pertanian", Jabatan Pertanian Malaysia.
- Federal Malaya States, "Report On The Present System Of Forest Administration In The FMS With suggestion For The Future Management Of The Forest Of Those States By H.C. Hill", Kuala Lumpur, 1900
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1902 By Walter Egerton", Kuala Lumpur.
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1903 By Frederick Joseph Weld", Kuala Lumpur
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1906 By R.C. Grey", Kuala Lumpur
- Laporan Tahunan 1972, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1973, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1974, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1975, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan

Negeri Sembilan Annual Report For The Year 1897-1917

Negeri Sembilan Annual Report For The Year 1946

Negeri Sembilan States Development Office, "Ringkasan Rancangan-rancangan Bagi Tiap-tiap Daerah Dan Rancangan –rancangan Lima Tahun Kedua Pembangunan Luarbandar 1964-65

Rancangan Buku Hijau, Panduan Tindakan Daerah, Kerajaan Malaysia, Disember 1974

FAIL

British Military Administration, 1942-47, Depl No. Dept/9/4, "Colonial Of Food, Imports For Feeding Population In 1946

British Military Administration, 1942-47, Fail No. Dept/9/4, "Food Control And Rationing Food Situation Malay Peninsula".

Fail Negeri Sembilan British Resident's Office, (NS 20), 3081/07

MAJALAH

Edward Djamaris, 1982, "Bahasa Melayu Minangkabau", dalam Dewan Bahasa

KERTAS KERJA

Abdul Samad Idris, 1974, " Kemurnian Dalam Adat Perpatih", dalam Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan

Ahmad Fuad Muhammad, Esmawi Othman, Nafisah Hj. Hassan, Shahbuddin Abu, "Tinjauan Ringkas Di Kawasan Pengembangan Universiti Pertanian Malaysia-Mukim Setul, Lenggeng Dan ulu Beranang", Pusat Perkembangan Dan Pendidikan Lanjutan, Kertas Seminar, Penerbitan Perkembangan No. 8, KDN 9701.

Faridah Hj. Mohd. Zubir, 1987, "Sejarah Pendudukan Jepun Di Tanah melayu 1942-45", Maktab Perguruan Sultan Idris, Kertas Kerja,

Noridah Abd. Talib, 1977/78, "Adat Perpatih Di Negeri Sembilan", dalam Kertas Kerja, Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur

SENARAI NAMA RESPONDEN

Nama : En. Rahman b. Taid

Umur : 75 tahun

Pekerjaan : Pesara

Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 12 Januari 2001

Nama : Tuan. Hj. Abu Bakar B. Mohd Raiz

Umur : 77 Tahun

Pekerjaan : Pesara

Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 21 Januari 2001

Nama : En. Sharif b. salim

Umur : 75 Tahun

Pekerjaan : Pesara

Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 21 Januari 2001

Nama : En. Mohd Nawi b. Yatim

Umur : 74 Tahun

Pekerjaan : Pesara


Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 21 Januari 2001

LAMPIRAN



جامعة ماليزيا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN SEJARAH

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN & KEMANUSIAAN

43600 UKM BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

Tel: 03-8292711

Fax: 03-8293290

Jabatan Sejarah

UKM 1.8.4/10/2

Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan

Tarikh:

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Prof. /Dato'/Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN MEMBUAT PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Sdr./Sdri. MOHD MARWAZI BRAHMI (No. Matrik: A 66789) adalah seorang pelajar Tahun Akhir (Kepujian) Jabatan Sejarah, Program KYM-UKM yang sedang menjalankan penyelidikan untuk penulisan kertas projek sebagai memenuhi syarat mendapatkan ijazah sarjana sastera dengan kepujian di bidang Sejarah.

2. Oleh yang demikian besarlah harapan saya agar sudi kiranya pihak Prof./Dato'/Tuan/Puan dapat membenarkan beliau membuat rujukan bahan-bahan yang berkaitan di tempat Prof./Dato'/Tuan/Puan sepanjang penyelidikan dilakukan.

Segala kerjasama dan bantuan dari pihak Prof./Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian dan salam hormat.

Yang benar,

PROF. MADYA DR. KHAZIN MOHD. TAMRIN

Ketua

Jabatan Sejarah

43600 UKM Bangi

Selangor Darul Ehsan

Lampiran 2


Peta Semenanjung Malaysia



Sumber : A History Malaysia, Barbara Watson Andaya, Leonard Y. Andaya, 1982.

Lampiran 3

Peta Negeri Sembilan



Sumber : Pejabat Pelancongan Negeri Sembilan

FOTO 1



Papan Tanda Menunjukkan Sempadan Daerah Lenggeng - Mantin



Papan Tanda Menunjukkan Lenggeng Dari Arah Broga

FOTO 2




Surau Kampung Mendor, Lenggeng



Sungai Lenggeng

FOTO 3



Tapak Pasar Lama Yang Telah Diperbaharui



Pekan Lenggeng, Negeri Sembilan